



جَبَاتِن كَهَاكِيمَن شَرِيَا مَالِيْسِيَا
**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA**

Blok C, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Persint 3 62100 PUTRAJAYA

Tel :603-88709200 / 9201
Faks : 603-8870 9500
Portal Rasmi :
www.jksm.gov.my

Ruj.Kami:JKSM.600-1/2/4 JLD 8 (27)

Tarikh : 11 Syaaban 1446H
: 10 Februari 2025

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO.4 TAHUN 2024
TEMPOH MASA SAH LAKU PERINTAH KEBENARAN POLIGAMI

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 5hb. Jamadilawal 1446H bersamaan 7hb. November 2024 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tempoh Masa Sah Laku Perintah Kebenaran Poligami.

1. Tempoh sah laku Perintah Kebenaran Poligami di bawah Seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam adalah tidak melebihi 180 hari dari tarikh Perintah dikeluarkan.
2. Selepas tamat tempoh tersebut, pemohon hendaklah memfailkan permohonan baharu.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

(DATO' HJ MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA